

Pasar Pengalaman: Kritik Sosial oleh T.Alias Taib

A.Rahman bin Haron, Ph.D  
manlaoshi@gmail.com  
Mahawa binti Pilus  
maya2abd@yahoo.com.my  
Maisarah binti Yaacob  
maisarahmy@yahoo.com

Jabatan Dwibahasa  
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Kritik sosial merupakan kritikan perlakuan tindakan individu mahupun perkumpulan yang cenderung ke arah tindakan negatif dan perlu ke arah pembaikan atau tindakan yang lebih rasional. Objektif kajian ini ialah menganalisis sajak-sajak, membincang atau menghuraikan pengungkapan kritik sosial yang digarap oleh T.Alias Taib dalam kumpulan puisi beliau, iaitu *Pasar Pengalaman*. Sajak-sajaknya disaring dari kumpulan puisi berkenaan dan sajak yang paling dominan kritik sosialnya dinyatakan dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan bagi membuat analisis kajian. Berdasarkan penelitian sajak-sajak T.Alias Taib, didapati bahawa kritik sosial yang diungkap meliputi kritik sosial berhubung dengan nilai diri dan kritik sosial berhubung dengan isu semasa. Kritik sosial berhubung dengan nilai diri berkaitan dengan empat aspek iaitu teguran terhadap individu mahupun kumpulan yang menyimpang dari landasan agama dan norma masyarakat. Seterusnya memperlihatkan kebijaksanaan seseorang dalam membuat pertimbangan. Aspek lain turut memperlihatkan kesedaran yang lahir dari jiwa atau dalaman diri individu. Rangsangan dalam membuat tindakan yang matang dan menganalisis isu-isu semasa merupakan aspek kritik sosial yang berikutnya. Kritik sosial yang dipaparkan melalui puisinya menampilkan kematangan T.Alias Taib memanfaatkan segala khazanah pengalaman menggambarkan perlakuan individu ataupun masyarakat berdasarkan pemerhatian dan pengamatannya terhadap masyarakat sekeliling.

Kata kunci: kritik sosial, tindakan negatif, rasional, norma, khazanah pengalaman.

*Abstract*

*Social criticism is a critique of individual or group behavior that tends toward negative actions and needs improvement or more rational action. The objectives of this study were to analyze the poems, discuss or elaborate on the social critique of T.Alias Taib in his poetry collection, The Experience Market. His poems were refined from the group of poets and his most influential poems of social criticism were mentioned in this study. Researchers use the library method to conduct a research analysis. Based on the study of T.Alias Taib's poems, it was found that social criticism was expressed in terms of social criticism of personal values and social criticism in relation to current issues. A Social Critique of self-esteem is related to four aspects of criticism of individuals or groups that deviate from religious norms and societal norms. Other aspect shows a person's wisdom in making judgments. Other aspects also reflect the consciousness that is born of the soul or inner self. The impetus for taking action and analyzing current issues is the next aspect of social criticism. The social critique presented through his poems shows that T.Alias Taib's maturity utilizes the richness of experience describing the behavior of individuals or communities based on his observations and observations on the surrounding community.*

*Keywords: social criticism, negative actions, rational, norms, richness of experience.*

Puisi merupakan salah satu medium yang boleh digunakan oleh penyair untuk memaparkan fenomena kehidupan masyarakat. Puisi tergubah atas gagasan idea yang kental dan mengajar manusia

berfikir. Melalui puisi menggambarkan lontaran idea yang cuba diketengahkan oleh seseorang penyair. Kajian ini menjurus kepada kepenyairan T. Alias Taib atau nama sebenarnya, Engku Alias @ Engku Awang bin Engku Taib dengan kumpulan puisinya, *Pasar Pengalaman*. Melalui sajak *Pasar Pengalaman*, T. Alias Taib membicarakan keperibadian seseorang atau masalah yang melingkari di sekeliling masyarakat berdasarkan pengamatan dan pengalaman yang dilalui. Kritik sosial yang diungkapkan bernada sinis dan tidak kosong begitu sahaja.

Menurut Lim Swee Tin (*Watan Minggu*, 22 Disember 1996), T. Alias Taib seorang penyair yang cukup prolific dan pengolahan puisinya terdapat kelainan daripada penyair lain. Manakala Muhammad Salleh menerusi kata pengantar *Piramid* (1990) mengatakan T. Alias Taib seorang penyair yang memberi wajah dan dandanan baru untuk kata-kata biasa. Kata-kata yang diungkapkan olehnya menimbulkan suatu makna yang berlainan dari konteks biasa. Hal ini memperlihatkan kritikan yang dilontarkan olehnya memerlukan penafsiran yang mendalam. Di sebalik kata-kata, terselit mesej yang cuba disampaikan olehnya kepada khalayak pembaca.

Abdullah Tahir dan Mohamad Daud Mohamad (*Berita Harian*, 15 September 1990) turut mengakui setiap puisi T. Alias Taib meninggalkan kesan yang mendalam dan tersendiri di jiwa pembaca. Hal ini selari dengan pandangan Umar Junus (1986) yang melihat gaya bahasa T. Alias Taib dengan metafora yang segar dan dirasakan baharu. Terdapat kejatidirian (idionsinkrasi) T. Alias Taib dalam berkarya dan sajaknya berbeza dengan penyair lain. Pengucapan sajak-sajaknya kelihatan indah dan menarik untuk diteliti. Gaya bahasa yang diungkapkan dengan diksi-diksi yang tersusun menggambarkan makna tertentu dan amat bermakna kritik sosial yang kedapatan dalam sajak *Pasar Pengalaman*.

## Analisis Data

Pengkaji membataskan kajian ini dengan menggunakan pendekatan sosiologi dalam usaha menyorot permasalahan kritik sosial yang diungkapkan oleh T. Alias Taib. Pendekatan sosiologi dipilih kerana lebih dominan dan bersesuaian dengan kritik sosial yang berkaitan dengan hal-hal kemasyarakatan. Pemaparan situasi masyarakat yang penuh dengan pergolakan, perjuangan atau pertentangan dan sebagainya diolah dengan anyaman bahasa yang menarik bagi memperlihatkan kehidupan masyarakat.

I.R. Poedjawijatna (1983) mengatakan pendekatan sosiologi merujuk kepada gejala kemanusiaan yang terdiri daripada diri seseorang pengarang itu sendiri, pengetahuan, kemahuan, keperibadian, tanggungjawab, kebudayaan dan kelangsungan tindakan manusia. Seseorang pengarang mempunyai hubungan dengan manusia lain yang ada di sekeliling dan juga berhubungan dengan alam atau dunia. Pengarang adalah begitu rapat dengan masyarakat dan juga persekitarannya. Menurutnya lagi, pengarang boleh melihat, merasa, menangis, gembira, kecewa atau sedih dan semuanya dirakamkan melalui karya mereka. Baginya, pengarang dapat menyelami diri, masyarakat dan alam sekeliling dengan sesungguhnya dan dirakamkan untuk pengetahuan umum melalui bait-bait sajak yang diungkapkan.

Terdapat sebanyak 87 buah sajak yang termuat dalam kumpulan puisi T. Alias Taib yang dapat dibahagikan kepada tiga fragmen. Fragmen pertama adalah *Pengalaman Watak* yang mengandungi 31 buah sajak. Sementara fragmen kedua dinamakan *Pasar Pengalaman* dan di dalamnya mengandungi 27 buah sajak. Fragmen ketiga ialah *Pengalaman Seberang* dan mengandungi 29 buah sajak pula. Melalui pembacaan dan saringan yang dibuat, terdapat 19 buah sajak berkaitan dengan kritik sosial dalam fragmen *Pengalaman Watak*. 14 buah sajak pula kedapatan dalam fragmen *Pasar Pengalaman* dan 12 buah sajak dalam fragmen *Pengalaman Seberang*.

Sajak-sajak T. Alias Taib yang lain adalah berkaitan dengan penceritaan kisah pengalamannya melihat sesuatu tempat atau hanya sekadar memerihalkan kembali riwayat hidup seseorang tokoh atau perjalanan nasib seseorang. Jadual 1 menunjukkan penjumlahan sajak yang membicarakan tentang kritik sosial dalam kumpulan puisi *Pasar Pengalaman* iaitu sebanyak 45 buah sajak.

Jadual 1

*Jumlah Sajak Kritik Sosial dalam Kumpulan Puisi Pasar Pengalaman*

Fragmen	Jumlah sajak	Tema Kritik Sosial
Pengalaman Watak	31	19
Pasar Pengalaman	27	14
Pengalaman Seberang	29	12
JUMLAH		45

### Perbincangan

Sebanyak 45 buah sajak kritik sosial yang dapat dikategorikan kepada empat aspek, iaitu aspek teguran, aspek pertimbangan, aspek rangsangan dan aspek kesedaran. Empat aspek ini pula dirangkumkan pembicaraannya di bawah tajuk perbincangan ‘Kritik Sosial Berhubung dengan Nilai Diri’ dan ‘Kritik Sosial Berhubung dengan Isu Semasa’. Beberapa buah sajak sahaja yang diperturunkan dalam penulisan ini daripada 45 buah sajak kritik sosial yang digarap oleh T.Alias Taib dari kumpulan puisinya, *Pasar Pengalaman*.

#### Kritik Sosial Berhubung Dengan Nilai Diri

Sajak-sajak yang digarap oleh T.Alias Taib berhubung dengan menilai diri dalam melakukan sesuatu tindakan merujuk kepada kebiasaan tindakan yang dibuat oleh seseorang individu sama ada positif atau negatif. T.Alias Taib menyentuh aspek teguran dengan harapan adanya kesedaran masyarakat membuat pertimbangan dengan sebaik mungkin pokok persoalan yang cuba dikemukakan olehnya. Seterusnya beliau melakukan rangsangan atau dorongan agar masyarakat tidak menyimpang dari norma-norma hidup bermasyarakat dan pegangan agama. Teguran yang dibuat oleh T. Alias Taib tidak sahaja ditujukan kepada masyarakat bawahan malahan masyarakat atasan juga turut diperkatakan olehnya. Aspek teguran, aspek pertimbangan, aspek rangsangan dan aspek kesedaran yang dibicarakan oleh T.Alias Taib, antaranya adalah sebagaimana berikut:

##### a) Aspek Teguran

Mengikut budaya Melayu, teguran yang dibuat terhadap seseorang boleh dilakukan secara terus-terang atau melalui cara sindiran. Za’ba (1965) mengatakan teguran dengan menemplak dikategorikan sebagai teguran secara langsung manakala teguran cara menyindir adalah teguran secara tidak langsung. Sajak “Apa Lagi Yang Kaumahu, Tan Sri?” menggambarkan hal tidak bersyukur Tan Sri walaupun telah beristeri dua sebagaimana diungkapkan pada r: 1, b: 11 - 17, iaitu :

kini, khabarnya,  
 kemaruk beristeri membara lagi  
 terjelir bagai lidah api  
 pada seorang gadis mentah,  
 seorang peragawati belasan tahun,  
 yang kerap difotokan  
 dengan dada setengah sembul .

Menurut persepsi T. Alias Taib, Tan Sri ingin hidup berpoligami tetapi hanya memilih anak gadis muda yang cantik dan berpakaian mencolok mata. Ini bertentangan dengan konsep berpoligami. Matlamat berpoligami adalah suatu bentuk pembelaan kepada kaum wanita yang lebih ramai bilangannya dari kaum lelaki dan secara tidak langsung dapat mengurangkan bilangan anak dara tua (andartu). Selain itu, berpoligami merupakan suatu jalan keluar untuk melahirkan zuriat keturunan jika isteri yang dikahwini tidak mampu melahirkan zuriat. Matlamat lain dibolehkan berpoligami bersandarkan permasalahan di waktu isteri keuzuran seperti haid, nifas atau sakit berpanjangan maka ada isteri lain yang dapat membantu menyelesaikan keperluan lahir dan batin suami. Islam membenarkan poligami tetapi biarlah menurut prinsip poligami sebagaimana yang dianjurkan menurut syariat.

#### **b) Aspek Pertimbangan**

T. Alias Taib menyentuh kritik sosial berhubung dalam membuat pertimbangan tentang tabiat negatif yang dilakukan oleh masyarakat sebelum mengambil sesuatu keputusan. Sebagaimana dinyatakan oleh H.B. Jasin (1952) iaitu pertimbangan baik atau buruk adalah perlu dalam membuat sebarang keputusan. Pertimbangan memerlukan keputusan yang bijak sebelum sebarang tindakan diambil. Ini bagi mengelakkan sebarang implikasi yang tidak baik atau kurang menyenangkan di kemudian hari.

Bijak berbelanja merupakan suatu sikap yang terpuji. Berbelanja hendaklah mengikut kemampuan dan hanya membeli barangan yang perlu sahaja. Tidak rambang mata melihat barangan yang dipamerkan. Ini dapat mengelakkan pembaziran atau berhutang keliling pinggang. Sajak-sajak yang menggambarkan persoalan bijak berbelanja diungkapkan oleh T. Alias Taib dalam sajaknya yang berjudul "Oxford Street" pada r: 2, b: 1 - 4 memperlihatkan pertimbangan yang wajar akan dapat menentukan arah perbelanjaan.

aku pemborong dengan akar timur,  
ingin membeli pengalaman barat.  
aku harus pintar menapis tawaran  
dan hati-hati menepis pelawaan.

Sikap berhati-hati dan tidak mudah terjebak dengan pujuk rayu para penjual dapat menyelamatkan wang dari dibelanjakan dengan membeli barang-barang yang bukan keperluan. Tambahan pula dengan nilai mata wang yang berbeza memerlukan seseorang berfikir dua kali sebelum membeli barangan luar negara. Harus pintar melihat harga yang ditawarkan dan bijak menolak pelawaan penjual barangan dengan cara yang berhemah.

#### **c) Aspek Rangsangan**

T. Alias Taib juga memberikan dorongan, motivasi atau semangat kepada masyarakat agar melaksanakan sesuatu kerja dengan sebaik mungkin. Aspek rangsangan bagi penilaian diri yang diutarakan oleh T. Alias Taib adalah sebagaimana menurut Mana Sikana (1998) yang menyebut bahawa reaksi seseorang akan menimbulkan suatu tindak balas ke arah perubahan perlakuan dan penghayatan yang tinggi nilainya.

Kecekalan dalam menghadapi pelbagai kemungkinan atau permasalahan yang timbul adalah perlu dalam diri setiap individu. Cekal bermaksud sedia menghadapi masalah mahupun musibah yang menimpa dengan tabah, tenang dan sabar. Cekal juga merujuk kepada ketabahan membuat sesuatu pekerjaan sehingga sampai ke penghujungnya.

Sajak "Fiona" merupakan cara T. Alias Taib menyalurkan maklumat kepada orang ramai agar cekal meneruskan kehidupan. Menelusuri r: 1, b: 4 - 8 digambarkan hari-hari yang dilalui oleh Fiona.

hari lalunya sebuah kerusi roda

yang sentiasa membawa kenangan itu  
berulang-alik di lorong suram  
sesekali terbelit dalam jaring silam.

Saban waktu Fiona tidak lekang dengan kerusi roda. Itu merupakan suatu alternatif baginya untuk bergerak ke sana sini biarpun hanya di dalam rumah. Fiona yang cacat anggota badan perlu meneruskan kehidupan dan tidak bergantung kepada orang lain. Fiona menjadi cacat gara-gara kemalangan di jalan raya. Hal ini dapat dilihat pada r: 2, b: 2 - 8 berdasarkan sajak di bawah:

sedekad lalu; basikal yang dikayuhnya  
dikasari lori pasir dari belakang.  
dia terpelanting dan patah tulangnya.  
kegembiraannya diremukkan takdir  
dan ketawanya dimusnahkan keadaan.  
semenjak lumpuh dan berkerusi roda,  
dia membelanja usianya pada jendela.

Kecacatan Fiona bukanlah dari sejak lahir tetapi sikap tidak bertanggungjawab pemandu lori yang menyebabkannya menanggung derita seumur hidup. Justeru, mereka yang menjadi punca tragedi hingga meragut kebebasan pergerakan mahupun masa depan orang lain perlu tampil menanggung kos perbelanjaan. Ini akan dapat mengurangkan beban kewangan kepada golongan kurang upaya dan keluarganya. Secara tidak langsung keadaan sedemikian dapat melahirkan masyarakat yang prihatin dan penyayang.

#### d) Aspek Kesedaran

Kritik sosial dari aspek kesedaran memperlihatkan penyair menyalurkan pemikirannya agar masyarakat lebih terbuka minda. Sedar dengan tanggungjawab dan cecal melaksanakan sesuatu perkara. Selain itu penyair juga mengharapkan masyarakat yang ditimpa musibah, cecal atau tabah menghadapi sesuatu situasi yang genting dalam kehidupan. Menurut Harry Levin (1950) sastera mempunyai hubungan yang erat antara sastera dan masyarakat, iaitu konvensi dalam sastera bukan garapan idea seorang pengarang tetapi hasil dari persetujuan yang tidak terucap (*unspoken agreement*) antara pengarang dan audiensnya. Pengarang melihat elemen masyarakat sebagai wadah menyalurkan maklumat serta aspek pemikirannya.

Sajak “Penenun Sakkara” merujuk kepada gadis di bawah umur menenun kain bagi menambah pendapatan keluarganya. Kemahiran yang dimiliki gadis ini boleh dilihat pada r: 2, b: 1 - 2, iaitu :

dengan bakat yang terkumpul pada 10 jarinya  
dia mengalirkan kemahiran berwarna-warninya

Biarpun di usia yang muda, namun gadis berkenaan mempunyai tanggungjawab terhadap diri dan keluarga. Kebolehan yang dimiliki serta kecekalannya menyiapkan permaidani yang dibuat dapat membantu meringankan beban keluarga. Ini kerana permaidani tersebut boleh dijual untuk menjadi sumber kewangan. R: 6, b: 1 - 2 menunjukkan keistimewaan gadis tersebut dalam keluarganya.

dia penenun manis berbakat besar  
harapan keluarganya lebih besar daripada itu

Gadis berkenaan menjadi orang harapan atau tulang belakang dalam keluarganya. Kebolehannya dalam bidang kraftangan mampu menghasilkan pendapatan yang lumayan dan ini secara tidak

langsung merangsang ekonomi keluarga. Justeru, sajak berkenaan mengajak anak-anak gadis dan teruna agar membantu keluarga dengan pengetahuan serta kemahiran yang mereka miliki. Kerja-kerja seperti membuat kraftangan, membantu ibu bapa di bendang, di ladang-ladang dan sebagainya dapat meringankan beban keluarga. Kerja-kerja yang ingin dibuat memerlukan kecekalan membuat dan menyiapkannya.

### **Kritik Sosial Berhubung dengan Isu Semasa**

Kritik sosial dari aspek isu semasa bermaksud mengkaji, menilai atau meneliti sesuatu isu dengan sebaik mungkin berkaitan dengan persoalan isu semasa atau peristiwa bersejarah yang telah berlaku dalam sesebuah negara. Ini selaras dengan pandangan Mohd. Thani Ahmad dalam Baharuddin Zainal (2004) mengatakan metode analisis yang tertentu boleh meningkatkan daya tangkap umum atau daya kefahaman bagi membantu para audiens untuk cenderung bersikap positif.

Sajak “Taipei” yang dibicarakan dengan menelusuri r: 1, b: 1 - 5 dan r: 2, b: 3 - 9 yang memberi gambaran masyarakat Taipei.

tanah yang kupijak ini  
tanah republik bermata sepet,  
tanah yang merumahan kaum pingpu,  
    espana dan belanda di abad 17,  
tanah yang dikepong lembah dan gunung.

pelbagai sosok bau dan warna;  
    ada sosok new york  
        yang menjadi paksi berita;  
    ada bau paris  
        yang memberi harum kopi;  
    ada warna tokyo  
        yang mirip *shibuya strip*.

Pengalaman T. Alias Taib sewaktu berkunjung ke Taipei diabadikan dalam sajaknya. Beliau menyorot sejarah negara Taipei yang pernah dijajah oleh Sepanyol, Belanda dan Inggeris. Kemudian masyarakat di sana mudah menerima asimilasi atau pengaruh luar dalam budaya masyarakat mereka. Seterusnya pada r: 4, b: 1 - 3 diperkatakannya lagi tentang masyarakat Taipei.

kota yang kudatangi ini  
kota timur berkulit barat  
kota barat berjasad timur.

Masyarakat Taipei telah jauh meninggalkan budaya asal nenek moyang mereka. Kesan penjajahan telah merubah cara pemikiran, budaya dan cara hidup masyarakat di sana. Justeru, T. Alias Taib mengemukakan persoalan sedemikian agar negara tidak lagi dijajah oleh kuasa asing.

Penjajahan oleh kuasa asing tidak sahaja terhadap negara malahan menjajah aspek pemikiran masyarakat. Hal ini dinyatakan oleh T. Alias Taib yang menyorot permasalahan negara yang pernah dijajah. Hal ini juga berlaku di negara kita sendiri seperti cara berpakaian yang mencolok mata, pergaulan bebas lelaki dengan perempuan, meminum arak, dan sebagainya. Bagi masyarakat Barat, hal sedemikian tidak menjadi persoalan kerana itu adalah budaya masyarakat mereka. Bagi masyarakat timur yang berpegang kepada adat resam serta berpaksikan agama akan dapat menilai mana yang baik dan tindakan atau perlakuan mana yang buruk.

Sajak yang berjudul “Dalam Kereta api”. Pada r: 2, b: 1 - 6, T. Alias Taib membicarakan tentang sawah padi di bandar Chia Yi, Alishan, China.

dalam perjalanan, di kiri kananku,  
sawah di belakang rumah petani  
adalah permaidani baldu hijau.  
sebentar, kenanganku kencang berlari  
ke belakang rumah petani di kampungku  
ke lalang dan rumput panjang.

Pemerhatian di sepanjang perjalanan dengan kereta api telah menyentuh hati dan perasaan penyair. Sawah bendang yang menghijau saujana mata memandang di China mengimbau kenangan perjalanan penyair di negara sendiri. Apa yang disaksikan di luar negara kontras atau berlawanan dengan negara sendiri. Sawah bendang negara sendiri ditumbuhi rumput-rumput panjang dan terbiar tidak diusahakan. Petani-petani negara sendiri jika tidak diberi subsidi atau bantuan, tidak akan mengusahakan sawah bendang mereka. Hal ini tentu sekali berbeza dengan petani negara China yang mengusahakan tanaman. Di belakang rumah mereka, tampak menghijau tanaman yang ditanam dan tanah sekangkang kera dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

### Kesimpulan

Puisi yang dihasilkan oleh T. Alias Taib bertitik-tolak dari bahasa yang diolah dan dianyam dengan menarik. Oleh itu penguasaan bahasa seseorang pengarang adalah penting dalam penghasilan sesebuah karya. Bahasa yang digunakan dapat menarik khalayak pembaca menikmati mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang.

Melalui kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada khalayak pembaca tentang keupayaan sesebuah sajak memainkan peranannya memaparkan kehidupan manusia. Sesebuah sajak mampu memperlihatkan realiti kehidupan masyarakat. Keperibadian yang berbentuk negatif sering menjadi pokok pembicaraan oleh pengarang. Hal ini demikian dengan harapan ada perubahan diri oleh pelakunya. Selain ditujukan kepada pelakunya, sikap negatif yang diperkatakan diharap tidak dicontohi oleh para pembaca. Segala yang dibicarakan menurut kehendak untuk mengubah tingkah laku atau kebiasaan yang berlaku.

Pengarang menyuarakan pandangan melalui ketajaman mata pena dengan menyarankan adanya suatu perubahan. Seni dan masyarakat sangat intim. Justeru, pengarang cuba menegur, mengarah atau memandu khalayak pembaca agar adanya perubahan paradigma serta alur pemikiran. Penyampaian maklumat sama ada secara langsung atau tidak langsung digunakan oleh pengarang dalam proses penyuaran pandangannya melalui karya yang dihasilkan. Ini bermakna bidang pengkaryaan puisi adalah suatu bentuk pendidikan kepada masyarakat.

Kekuatan sensitif penyair menangkap setiap perkara baik sesuatu yang jelas atau tersembunyi, kecil mahupun besar terasa sekali dapat diselamai melalui karya yang dinukilkan oleh T. Alias Taib (Lim Swee Tin, *Watan Minggu*, 2 Mac 1997). Setiap penyair mempunyai cara atau pengungkapan yang berbeza dengan penyair yang lain. Ini selaras dengan pendapat Muhammad Haji Salleh (1990) yang mengatakan T. Alias Taib adalah seorang penyair yang gemar mencungkil kepura-puraan daripada peristiwa, watak atau keadaan. Biarpun kritiknya sinis tetapi tidak menghukum pesalah, sebaliknya melihat dari sudut makna dan tidak membencinya. Sajak-sajaknya bernada sinis dan berlandaskan unsur negativisme dalam kehidupan manusia yang digarap dan diadun dengan menarik. Ada sesuatu keunikan dalam proses penyuarannya terhadap masyarakat. Kritik sosial yang termuat dalam kumpulan puisi dihasilkan oleh T. Alias Taib adalah penuh dengan perancangan dan ketelitian dari pelbagai sudut dan dimensi dan kecenderungannya menulis lebih ke arah gaya penggunaan metafora.

## Rujukan

- Abdullah Tahir & Mohamad Daud Mohamad. "Pengembaraan Penyair Seangkatan Dua Seniman Berekspirimen". *Berita Harian*, 15 September 1990.
- Baharuddin Zainal (pngr.). (2004). *Mendekati Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levin, Harry. (1950). *Perspective of Criticism*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- H.B. Jassin. (1952). *Sastra Indonesia Sebagai Warga Sastra Dunia*. Jakarta: Penerbit PT Grademia.
- I.R. Poedjawijatna. (1983). *Manusia Dengan Alamnya (Filsafat Manusia)*. Jakarta: Penerbit PT. Bina Aksara.
- Lim Swee Tin. "Inilah Gaya Yang Kutemui". *Watan Minggu*, 22 Disember 1996.
- Lim Swee Tin. "Intropeksi Diri Dalam Opera". *Watan Minggu*, 2 Mac 1997.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. (1990). *Menyeberang Sejarah Kumpulan Esei Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- T.Alias Taib. (2004) *PasarPengalaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi Sastera Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.